



SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL: 1 / 2014

Dengan penuh hormat dan takzim, sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi kadar Wang Jaminan Prestasi (*Performance Bond* atau *Banker's Guarantee*) Bagi Tawaran-Tawaran Kerajaan untuk dikemaskinikan.

2. Sehubungan dengan perkara di atas, kadar Wang Jaminan Prestasi yang akan dikenakan kepada peniaga-peniaga yang diberikan tawaran-tawaran Kerajaan akan dikurangkan seperti berikut:

KADAR-KADAR WANG JAMINAN PRESTASI
Dikecualikan bagi kontrak \$1,000,000.00 dan ke bawah.
Tidak melebihi 3% bagi kontrak di antara \$1,000,001 hingga \$5,000,000.00.
Tidak melebihi 5% bagi tawaran melebihi \$5,000,000.00.

- i. Kadar baru ini adalah bagi menggantikan kadar-kadar Wang Jaminan Prestasi yang telah ditetapkan dalam Surat Keliling Kementerian Kewangan bilangan 2/2009 yang berkuatkuasa pada 25 Julai 2009;
- ii. Kadar di atas ini akan dikenakan bagi semua tawaran-tawaran perkhidmatan berpenggal (*term contract*), binaan atau pembangunan;
- iii. Bagi pembekalan barangan, kadar Wang Jaminan Prestasi yang akan dikenakan adalah seperti berikut:

KADAR-KADAR WANG JAMINAN PRESTASI
Dikecualikan bagi pembelian \$1,000,000.00 dan ke bawah
Kadar tidak melebihi 2% bagi pembelian sehingga \$3,000,000.00.
Kadar tidak melebihi 3% bagi pembelian melebihi \$3,000,000.00.

3. Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai 1 April 2014.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

'Taat Beragama Membawa Berkat'



[DATO PADUKA HAJI HISHAM BIN HAJI MOHD HANIFAH]

Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan: KKW/X/91
Tarikh: 20 Mac 2014